7. apa-apa akibat tindak balas nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif;
8. kehilangan atau kerosakan kepada a) perletakan batu asas dan seni pertukangan batu, melainkan dimasukkan dan dinyatakan secara khusus dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan; b) alat-alat ganti yang saling boleh ditukar dan boleh diganti seperti bit, gerudi, pisau, bilah gergaji; c) dai, acuan, corak, blok, setem, tumbukan, salutan atau ukiran di atas silinder dan gulungan; d) bahagian yang mana melalui penggunaan mereka dan/atau sifat mengalami kadar penggunaan atau susut nilai yang tinggi seperti permukaan yang remuk, bebola, tukul, skrin dan sarung, ukiran silinder logam lembut, plat penahan, tali atau getah lif/penaik dan pengangkut, rantai, paip boleh lentur, bahan penyambung dan pembungkusan, kain penapis, bahagian diperbuat daripada kaca, getah, tekstil atau sintetik, roda pengisar, tali, tali pinggang, tali pengikat, kabel selain daripada penebat elektrik, berus, bateri, tayar, bahan reflektori, palang penyagat, jet penunu; e) media kendalian seperti bahan api, bahan kimia, pemangkin, alatan penapis, media pemindahan haba, ejen pembersihan, pelincir;
9. pembaikan atau penggantian yang diperlukan oleh kerosakan langsung disebabkan keadaan haus dan lusuh, kakisan, kuasa penghakisan, skala saki-baki, lumpur atau lain-lain mendapan, karat atau permukaan tercalar oleh cat atau digilap, atau oleh mana-mana akibat langsung yang lain daripada pengaruh progresif atau berterusan daripada tindakan kerja atau atmosfera= atau kimia, tetapi Syarikat Insurans akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian berpunca daripada Gangguan atau Campur Tangan yang disebabkan oleh kerosakan timbul daripada sebab-sebab tersebut dan diinsuranskan sebaliknya oleh Polisi ini;
10. kekurangan, pemusnahan, kemerosotan atau kerosakan kepada bahan mentah, produk separuh siap atau siap atau lain-lain bahan yang diperlukan bagi operasi teratur, walaupun sekiranya akibat daripada kerosakan material kepada perkara dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan terlibat;
11. sebarang sekatan atau pembinaan semula atau operasi yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam;
12. Yang Diinsuranskan pada masa yang sesuai tidak mempunyai modal yang mencukupi bagi membaiki atau mengganti mesin yang telah musnah atau rosak;
13. kehilangan atau kerosakan kepada mesin, pemasangan mekanikal dan pemasangan tambahannya atau lain-lain perkara yang tidak disenaraikan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan, walaupun sekiranya akibat daripada kerosakan material kepada perkara dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan terlibat;
14. kehilangan perniagaan disebabkan oleh sebab-sebab seperti penggantungan, luput atau pembatalan pajakan, lesen atau perintah, dsb. yang berlaku selepas tarikh apabila mesin terjejas oleh kemalangan sekali lagi berada dalam keadaan boleh beroperasi dan perniagaan sepatutnya boleh dimulakan, sekiranya pajakan, lesen atau perintah tersebut, dsb. tidak luput atau tidak digantung atau dibatalkan.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana Syarikat Insurans mendakwa bahawa atas alasan peruntukan pengecualian 3.-7. di atas, sebarang kehilangan tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban membuktikan bahawa kehilangan sedemikian dilindungi akan terletak pada Yang Diinsuranskan.

SYARAT-SYARAT

1. Pematuhan dan pemenuhan sewajarnya akan terma-terma Polisi ini setakat mana ia berkait kepada apa-apa sahaja yang akan dilakukan atau dipatuhi oleh Yang Diinsuranskan dan kebenaran kenyataan dan jawapan dalam soal selidik dan cadangan dibuat oleh Yang Diinsuranskan akan menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat Insurans
2. Jadual (jadual-jadual) akan dianggap sebagai telah dimasukkan dalam dan membentuk sebahagian daripada Polisi ini dan ungkapan "Polisi ini" di mana-mana sahaja ia digunakan dalam kontrak ini hendaklah dibaca sebagai termasuk jadual (jadual-jadual). Sebarang perkataan atau ungkapan kepada yang mana maksud khusus telah dilampirkan dalam mana-mana bahagian daripada Polisi ini atau jadual (jadual-jadual) akan mempunyai maksud sedemikian di mana-mana sahaja yang ia kelihatan.

3. Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaan beliau sendiri mengambil semua langkah berhati-hati yang munasabah dan mematuhi dengan semua pengesyoran munasabah Syarikat Insurans untuk menghalang kehilangan atau kerosakan dan mematuhi syarat-syarat berkanun dan pengesyoran pengilang-pengilang.
4.
 - a) Wakil-wakil Syarikat Insurans akan pada bila-bila masa yang munasabah berhak untuk memeriksa dan mengkaji risiko dan Yang Diinsuranskan hendaklah menyerahkan kepada wakil-wakil Syarikat Insurans segala butir dan maklumat yang diperlukan bagi penilaian risiko.
 - b) Yang Diinsuranskan hendaklah serta-merta memberitahu Syarikat Insurans melalui telegram dan secara bertulis mengenai sebarang perubahan bahan dalam risiko dan punca atas perbelanjaan sendiri di mana segala langkah berjaga-jaga tambahan yang diperlukan mengikut keadaan untuk memastikan operasi selamat perkara-perkara yang diinsuranskan, dan skop perlindungan dan/atau premium hendaklah, sekiranya perlu, diselaraskan sewajarnya.
 - c) Peleraian dan pemasangan semula berhubung dengan sebarang pemeriksaan hendaklah dijalankan oleh Yang Diinsuranskan pada tarikh atau tarikh-tarikh tertentu sebagaimana Syarikat Insurans dan Yang Diinsuranskan telah bersetuju secara bersama selepas membuat pemeriksaan sedemikian.

Tiada pindaan bahan akan dibuat atau diakui oleh Yang Diinsuranskan apabila sahaja risiko meningkat, melainkan kesinambungan perlindungan yang diperuntukan di bawah Polisi ini telah disahkan secara bertulis oleh Syarikat Insurans.

5. Yang Diinsuranskan akan bertanggungjawab untuk menyimpan rekod-rekod yang lengkap. Semua rekod, sebagai contoh, inventori, pengeluaran dan kunci kira-kira, bagi tiga tahun sebelumnya hendaklah dipegang dalam simpanan selamat atau, sebagai langkah berhati-hati terhadap rekod-rekod tersebut yang akan dimusnahkan secara serentak, Yang Diinsuranskan hendaklah menyimpan set-set berasingan akan rekod-rekod tersebut.
6. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, Yang Diinsuranskan hendaklah
 - a) serta-merta memberitahu Syarikat Insurans menerusi telefon atau telegram dan juga secara bertulis dalam tempohempat-puluh lapan jam selepas kejadian;
 - b) melakukan dan secara serentak melakukan dan membenarkan untuk dilakukan semua perkara tertentu secara munasabah sebagaimana mungkin untuk meminimumkan atau mewujudkan tahap mana-mana gangguan atau campur tangan dengan perniagaan atau untuk mengelakkan atau menghilangkan kerugian yang berpunca daripadanya;
 - c) setakat mana yang secara munasabah dipraktikkan, tanpa mengakibatkan sebarang peningkatan dalam tempoh gangguan atau campur tangan, mengambil langkah berhati-hati untuk melindungi apa-apa sahaja yang mungkin terbukti perlu atau berguna melalui bukti berhubung dengan apa-apa tuntutan;
 - d) menamatkan penggunaan sebarang mesin yang rosak melainkan Syarikat Insurans membenarkan sebaliknya, dan Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab berhubung dengan sebarang gangguan atau campur tangan selanjutnya yang timbul daripada penggunaan berterusan akan mana-mana mesin yang rosak tanpa mereka telah memberikan kebenaran mereka kepada penggunaan tersebut sehingga mesin tersebut telah dibaiki dan Syarikat Insurans berpuas hati mengenainya.
7. Jika sekiranya tuntutan dibuat di bawah Polisi ini tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas penamatan tempoh indemniti atau dalam masa-masa selanjutnya yang tertentu sebagaimana Syarikat Insurans mungkin benarkan secara bertulis, Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaan beliau sendiri menghantar kepada Syarikat Insurans, kenyataan bertulis menyatakan butir-butir mengenai tuntutan beliau bersama dengan butir-butir mengenai semua polisi yang melindungi kemalangan atau mana-mana bahagian daripada atau kerugian berbangkit yang bersifat apa sekalipun berpunca daripadanya, dan Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaan beliau sendiri juga mengeluarkan dan mengemukakan kepada Syarikat Insurans akan buku akaun tertentu dan lain-lain buku perniagaan sebagai contoh, invoice, kunci kira-kira dan lain-lain dokumen, bukti, maklumat, penjelasan dan lain-lain keterangan sebagaimana mungkin secara munasabah adalah diperlukan oleh Syarikat Insurans untuk tujuan penyiasatan atau menentusahkan tuntutan, bersama dengan – sekiranya diperlukan – perakuan berkanun mengenai kebenaran tuntutan dan apa-apa perkara yang berhubung kait dengannya.
8. Jika sekiranya berlaku kemalangan ke atas mana-mana mesin yang diinsuranskan dan berkemungkinan akan membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, Syarikat Insurans akan mempunyai hak untuk mengambil alih dan mengawal semua pembaikan atau penggantian yang diperlukan.
9. Jika sekiranya berlaku sebarang kejadian berhubung dengan yang mana tuntutan adalah atau mungkin dibuat di bawah polisi-polisi perakaunan, Syarikat Insurans dan setiap orang yang dibenarkan oleh Syarikat Insurans boleh, tanpa dengan itu menanggung sebarang liabiliti dan tanpa melupuskan hak Syarikat Insurans untuk bergantung atas apa-apa syarat Polisi ini, memasuki mana-mana bangunan di mana kehilangan telah berlaku dan boleh mengambil pemilikan atau meminta agar mana-mana daripada mesin untuk diserahkan kepada mereka dan boleh mengekalkan pemilikan dan berurusan dengan mesin tersebut bagi semua tujuan munasabah dan dalam apa-apa cara sekalipun. Syarat ini akan menjadi bukti kebenaran dan lesen Yang Diinsuranskan kepada Syarikat Insurans untuk berbuat demikian. Sekiranya Yang Diinsuranskan atau sesiapa

sahaja bertindak bagi pihak beliau tidak mematuhi syarat-syarat Syarikat Insurans atau menyekat atau menghalang Syarikat Insurans semasa mana-mana tindakan tersebut di atas, maka semua manfaat di bawah Polisi ini akan terbatal.

10. Yang Diinsuranskan boleh atas perbelanjaan Syarikat Insurans melakukan dan secara serentak untuk melakukan dan membenarkan untuk dilakukan semua tindakan dan perkara tersebut sebagaimana mungkin diperlukan atau dikehendaki oleh Syarikat Insurans demi kepentingan akan mana-mana hak atau remedi atau memperoleh pelepasan atau indemniti daripada pihak-pihak (selain daripada yang diinsuranskan di bawah Polisi ini) kepada yang mana Syarikat Insurans adalah atau akan menjadi berhak atau yang mungkin akan membuat subrogasi kepada mereka atas pembayaran bagi atau memulihkan kehilangan atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan dan perkara tersebut adalah atau menjadi perlu atau dikehendaki sebelum atau selepas mengindemnifikasikan Yang Diinsuranskan oleh Syarikat Insurans.
11. Sekiranya apa-apa perbezaan timbul mengenai jumlah yang akan dibayar di bawah Polisi ini (liabiliti telah diakui sebaliknya), perbezaan sedemikian akan dirujuk kepada keputusan penimbang tara untuk dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak dalam perbezaan atau, sekiranya mereka tidak bersetuju mengenai penimbang tara tunggal, dengan keputusan dua penimbang tara, salah seorangnya akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak, dalam satu bulan kalendar setelah diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak, atau, dalam hal penimbang tara tidak bersetuju, penyelesai akan dilantik secara bertulis oleh penimbang-penimbang tara sebelum memasuki atas rujukan. Penyelesai akan duduk bersama dengan penimbang tara dan akan mempengerusikan mesyuarat mereka. Sebarang keputusan akan menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak tindakan terhadap Syarikat Insurans.
12.
 - a) Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat adalah bersifat penipuan atau terlalu banyak ditokok tambah, atau sekiranya mana-mana perisytiharan atau kenyataan palsu dibuat sebagai menyokong mengenainya, maka Polisi ini akan menjadi terbatal dan Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.
 - b) Jika sekiranya Syarikat Insurans tidak menuntut liabiliti berhubung dengan sebarang tindakan dan sekiranya tindakan atau guaman tidak dimulakan dalam masa tiga bulan selepas penafian sedemikian atau (dalam hal timbang tara dilaksanakan selaras dengan syarat 11 Polisi ini) dalam masa tiga bulan selepas penimbang-penimbang tara atau penyelesai telah membuat keputusan mereka, semua manfaat di bawah Polisi ini
13. Sekiranya pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi ini, terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kehilangan atau kerosakan yang sama, Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada perkadaran yang boleh dibuat mengikut kadar mereka akan apa-apa tuntutan bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.

Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab untuk membayar bagi atau menyumbang kepada apa-apa kehilangan yang mana tetapi atas kewujudan Polisi ini atau mungkin akan diinsuranskan oleh apa-apa polisi Kehilangan Keuntungan yang meliputi risiko-risiko Marin atau risiko-risiko Kebakaran dan/atau Letupan.
14. Indemniti akan menjadi kena dibayar dua minggu selepas penentuan akhirnya. Sekiranya selepas penamatan satu bulan sejak permulaan gangguan atau campur tangan dengan perniagaan dan selepas penamatan setiap bulan selanjutnya ia berkemungkinan untuk menentukan jumlah minimum yang Syarikat Insurans bertanggungjawab untuk bayar bagi tempoh gangguan yang luput, Yang Diinsuranskan adalah berhak untuk menuntut bahawa jumlah tersebut hendaklah dibayar kepada beliau sebagai ansuran daripada jumlah indemniti.

Syarikat Insurans adalah berhak untuk menunda bayaran.
 - a) sekiranya timbul apa-apa keraguan mengenai hak Yang Diinsuranskan untuk menerima bayaran, sehingga memerlukan bukti dikemukakan;
 - b) sekiranya, berpunca daripada apa-apa kehilangan atau kerosakan fizikal atau apa-apa gangguan atau campur tangan dengan perniagaan, pihak polis atau penal siasatan telah mulakan terhadap Yang Diinsuranskan, sehingga selesai siasatan sedemikian.Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab untuk membayar faedah selain daripada faedah bagi pemungkiran.
15. Sekiranya pada bila-bila masa selepas permulaan Polisi ini
 - a) perniagaan dibubarkan atau dijalankan oleh penyelesai atau penerima atau ditamatkan secara kekal,
 - b) kepentingan Yang Diinsuranskan berhenti selain daripada kematian,
 - c) sebarang pindaan akan dibuat di mana risiko kemalangan akan meningkat,
 - d) penahanan mesin tunggu sedia atau mesin gantian atau sebarang faktor yang meminimumkan kehilangan yang

lain yang wujud apabila insurans berkuat kuasa akan dikurangkan atau ditamatkan, atau mesin tunggu sedia atau mesin gantian tersebut tidak diselenggara dalam keadaan kerja yang cekap dan tersedia bagi kegunaan sertamerta, maka Polisi ini akan terbatal melainkan keberterusannya diakui oleh kenyataan bertulis khas yang ditandatangani oleh atau bagi pihak Syarikat Insurans.

16. Polisi ini boleh ditamatkan atas permintaan Yang Diinsuranskan pada bila-bila masa, dalam hal mana Insurer akan mengekalkan kadar tempoh jangka pendek lazim bagi masa Polisi ini berkuat kuasa. Polisi ini secara sama rata boleh ditamatkan atas opsyen Syarikat Insurans melalui notis tujuh hari yang bermaksud sedemikian telah diberikan kepada Yang Diinsuranskan, dalam hal mana Syarikat Insurans akan bertanggungjawab untuk membayar balik atas tuntutan perkadaran yang boleh dibuat mengikut kadar mereka daripada premium bagi tempoh tidak luput dari tarikh pembatalan tolak sebarang caj pemeriksaan munasabah Syarikat Insurans mungkin tanggung.

ASAS INSURANS

Perlindungan di bawah Polisi ini adalah terhad kepada kehilangan keuntungan kasar disebabkan oleh perolehan dan kenaikan dalam kos pekerjaan dan jumlah perlu dibayar sebagai indemniti di bawah Polisi ini hendaklah

- berhubung dengan pengurangan dalam perolehan: jumlah dihasilkan dengan menggunakan kadar keuntungan kasar kepada jumlah bila mana perolehan dalam tempoh indemniti, akibat daripada kemalangan, menjadi kurang daripada perolehan standard
- berhubung dengan kenaikan dalam kos pekerjaan: perbelanjaan tambahan yang perlu ditanggung secara munasabah untuk tujuan mutlak bagi mengelak atau melupuskan pengurangan dalam perolehan yang mana tetapi bagi perbelanjaan tersebut telah dilakukan dalam tempoh indemniti akibat daripada kemalangan, tetapi tidak melebihi jumlah yang dihasilkan dengan menggunakan kadar keuntungan kasar kepada jumlah pengurangan dengan itu dapat dielakkan,

tolak sebarang jumlah yang disimpan dalam tempoh indemniti berhubung dengan caj dan perbelanjaan tertentu daripada perniagaan yang perlu dibayar daripada keuntungan kasar sebagaimana mungkin dihentikan atau dikurangkan akibat daripada kemalangan,

dengan syarat bahawa sekiranya jumlah di bawah Polisi ini adalah kurang daripada jumlah yang dihasilkan dengan menggunakan kadar keuntungan kasar kepada perolehan tahunan, jumlah perlu dibayar akan dikurangkan mengikut perkadaran.

DEFINISI-DEFINISI

Perbelanjaan Kerja Khusus	Perbelanjaan boleh ubah daripada perniagaan yang tidak diinsuranskan oleh Polisi ini: 1. cukai perolehan dan pembelian 2. pembelian (tolak diskaun diterima) 3. pengangkutan, pembungkusan dan muatan 4. 5.
Perolehan	Wang (tolak diskaun dibenarkan) dibayar atau perlu dibayar kepada Yang Diinsuranskan bagi barangan dijual dan dihantar dan bagi perkhidmatan diberikan dalam perjalanan perniagaan di premis-premis.
Tempoh Indemniti dan Lebihan Masa	Tempoh tidak melebihi had tempoh indemniti dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan bermula dengan berlakunya kemalangan bila mana keputusan-keputusan perniagaan terjejas akibat daripada kemalangan tersebut, dengan syarat sentiasa bahawa Syarikat Insurans tidak akan bertanggungjawab bagi jumlah kehilangan yang timbul semasa lebihan masa, lebihan masa tersebut hendaklah bermula daripada permulaan gangguan atau campur tangan dengan perniagaan yang membawa kepada tuntutan dibuat di bawah Polisi ini.

Kadar Keuntungan Kasar	Kadar keuntungan kasar diperoleh atas perolehan dalam tahun kewangan sebaik sahaja sebelum tarikh kemalangan	}	kepada yang mana pelarasan tertentu telah dibuat sebagaimana mungkin diperlukan untuk menyediakan bagi trend perniagaan dan bagi variasi dalam atau keadaan-keadaan khas yang mempengaruhi perniagaan sama ada sebelum atau selepas kemalangan atau yang mungkin telah mempengaruhi perniagaan sekiranya kemalangan tidak berlaku, agar angka-angka dengan itu diselaraskan untuk mewakili sehampir yang mungkin secara munasabah keputusan-keputusan yang tetapi bagi kemalangan mungkin telah diperoleh dalam tempoh relatif selepas kemalangan tersebut.
Perolehan Standard	Perolehan dalam tempoh tersebut dalam masa dua belas bulan dengan serta-merta sebelum tarikh kemalangan yang sepadan dengan tempoh indemniti		
Perolehan Tahunan	Perolehan Yang Diinsuranskan akan dapat peroleh tetapi bagi kemalangan dalam masa dua belas bulan sebaik sahaja sama ada sebelum tarikh apabila perniagaan tidak lagi terjejas atau apabila tempoh perolehan berakhir, yang mana berlaku terlebih dahulu..		
Kemalangan	Kehilangan atau kerosakan tidak boleh diramal dan mendadak yang berlaku kepada mesin yang diinsuranskan dan menjadikan mesin tersebut perlu kepada pembaikan atau penggantian segera disebabkan oleh sebab-sebab seperti kecacatan dalam tuangan dan bahan, reka bentuk yang salah, kesilapan semasa di bengkel kerja atau semasa proses pendirian, kemahiran kerja yang kurang memuaskan, kekurangan kemahiran, kecuaiian, niat jahat, kekurangan air dalam dandang, letupan fizikal, koyakan sebahagian disebabkan oleh tekanan emparan, lintar pintas, ribut, atau apa-apa sebab lain yang tidak dikecualikan secara khusus selepas ini manakala mesin tersebut masih - berfungsi atau semasa tidak digunakan, - telah dilerai, dialih atau ditegakkan semula untuk tujuan pembersihan, pemeriksaan, pembaikan atau pemasangan di lokasi yang lain dalam premis, dengan syarat mesin tersebut telah pun menjalani ujian prestasi penerimaan.		
Cukai	Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian		
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN			
Memo 1 - Manfaat daripada Premis-premis lain	Sekiranya dalam tempoh indemniti, barangan dijual atau perkhidmatan diberikan di mana-mana tempat lain di premis bagi manfaat perniagaan sama ada oleh Yang Diinsuranskan atau oleh lain-lain pihak yang bertindak bagi pihak beliau, wang dibayar atau perlu dibayar berhubung dengan jualan atau perkhidmatan sedemikian akan diambil kira dalam mencapai tahap perolehan dalam tempoh indemniti		
Memo 2 – Pengembalian Premium	Sekiranya Yang Diinsuranskan mengisytiharkan pada enam bulan terkini selepas penamatan mana-mana tahun polisi bahawa keuntungan kasar diperoleh dalam tempoh perakaunan selama dua belas bulan yang kebanyakannya serentak dengan mana-mana tempoh insurans, sebagaimana disahkan oleh juruaudit Yang Diinsuranskan, adalah kurang daripada jumlah diinsuranskan ke atasnya, pulangan premium secara pro rata tidak melebihi satu pertiga daripada premium dibayar ke atas jumlah yang diinsuranskan tersebut bagi tempoh insurans tersebut akan dibuat selaras dengan perbezaan. Sekiranya mana-mana kemalangan telah berlaku membawa kepada tuntutan di bawah Polisi ini, pengembalian sedemikian akan dibuat hanya berhubung dengan sebahagian besar daripada perbezaan tersebut memandangkan ia bukan disebabkan oleh kemalangan tersebut.		
Memo 3- Kepentingan Relatif	Ungkapan “kepentingan relatif” merujuk kepada senarai mesin dan loji yang diinsuranskan yang akan menjadi peratusan kesan di mana kerosakan mesin khusus akan diberikan ke atas jumlah keuntungan kasar, tanpa mengambil kira sebarang langkah meminimumkan kerugian. Sekiranya berlaku kemalangan yang menjejaskan bilangan mesin dan loji yang diinsuranskan, peratusan kepentingan relatif dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan bagi bilangan ini adalah lebih rendah daripada peratusan sebenar kepentingan relatif yang dicapai selepas itu bagi tempoh gangguan, Syarikat Insurans hanya akan bertanggungjawab		

untuk menanggung rugi perkadaran yang peratusan kepentingan relatif dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan yang mempunyai peratusan sebenar.

Memo 4 – Pembaikan Pulih

Dalam mengira kerugian, peruntukan sewajarnya hendaklah dibuat bagi masa yang telah digunakan ke atas apa-apa proses pembaikan pulih, pemeriksaan atau pengubahsuaian yang dijalankan dalam mana-mana tempoh gangguan.

Memo 5 - Benefits after Pengaktifan Semula

Sekiranya dalam tempoh enam bulan sebaik sahaja berikutan dengan pengaktifan semula mesin yang diinsuranskan selepas kemalangan, Yang Diinsuranskan memperoleh manfaat daripada jualan tertunda atau daripada pengeluaran dan/atau keuntungan yang meningkat akibat daripada gangguan, manfaat tersebut akan diambil kira dalam menentukan indemniti yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Memo 6 – Pernyataan Semula Jumlah Yang Diinsuranskan

Untuk tempoh berikutan dengan berlakunya kemalangan sehingga akhir tempoh polisi, jumlah yang diinsuranskan akan dinyatakan semula melalui bayaran premium tambahan atas dasar pro rata, premium tersebut akan dikira daripada bahagian tersebut yang diinsuranskan yang sepadan dengan indemniti yang dibayar; jumlah yang diinsuranskan yang dipersetujui akan kekal tidak dipinda.

Memo 7 – Perlindungan Kerosakan Material bagi Mesin Yang Diinsuranskan

Mesin dinyatakan dalam senarai mesin dan loji yang diinsuranskan akan dilindungi terhadap kerosakan mesin ketika berlangsungnya Polisi ini.

JADUAL	
No. Polisi:	Nama dan alamat Orang Yang Diinsuranskan:
Dimasukkan dalam Polisi ini adalah Bil. Soal Selidik dan Cadangan:	
Pengesahan berikut dilampirkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Polisi ini:	
	Perniagaan:
Tempoh Insurans: dari (tengah hari) hingga (tengah hari) dan mana-mana tempoh selepas yang mana Yang Diinsuranskan membayar dan Syarikat Insurans bersetuju untuk menerima premium pembaharuan	Premis:
Tarikh pembaharuan:	
Perkara subjek diinsuranskan: Keuntungan kasar	
Jumlah tahunan diinsuranskan:	Premium pertama
Lebih masa:	Premium tahunan

SENARAI MESIN DAN LOJI DIINSURANSKAN						
No. Butiran.	Kuantiti	Deskripsi mesin atau loji	Tahun dikeluarkan	Had tempoh indemniti (bulan)	Kepentingan relatif	Alat ganti tersedia, tempoh penggantian bagi mesin atau loji

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Insurance Malaysia Berhad ("Syarikat"). Pemegang Insurans boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi Pemegang Insurans, mengehadkan pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan Syarikat pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada Syarikat dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombortelefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Zurich General Insurance Malaysia Berhad, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, kami bersedia memberikan perhatian. Anda boleh menghubungi Kami di:

Zurich General Insurans Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03 2109 6000 Faks: 03 2109 6888 Pusat Panggilan: 1 300 888 622 E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir kami, anda boleh menulis surat kepada kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi anda.

Jika keputusan OPK memihak kepada anda berbanding kami, anda hendaklah memaklumkan OPK sama ada anda menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, anda boleh menolak keputusan OPK. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

OPK boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Insurans Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

Tel: 03 2272 2811 Faks: 03 2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web:www.ofs.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda boleh menyatakan ketidakpuasan hati anda kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Secara Bertulis:

Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMLINK), Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1 300 88 5465 (1-300-88-LINK) (Luar Negara: +603 2174 1717) Faks: 03 2174 1515 E-mel: bnmtelink@bnm.gov.my

Secara Bersemuka:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

PENTING

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad


No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my





Cap dagangan dipaparkan adalah didaftarkan di bawah nama
Zurich Insurance Company Ltd di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia